



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

Prof. Dato' Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Rujukan : UKM AKA/224/5

Tarikh : 3 April 2017

## PEKELILING AKADEMIK BIL. 11/2017

Semua Dekan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah  
Pusat Citra UKM

Pengarah  
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### PENAWARAN KURSUS SEMESTER III SESI AKADEMIK 2016-2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa pendaftaran kursus Semester III Sesi Akademik 2016-2017 akan dilaksanakan mulai **24 hingga 30 April 2017**. Perkuliahan pula akan bermula pada **3 Julai hingga 18 Ogos 2017**. Sehubungan itu, bagi Fakulti yang merancang untuk menawarkan kursus pada Semester III Sesi Akademik 2016-2017 perlu membuat penawaran kursus ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) mulai **17 hingga 23 April 2017**. Pihak Fakulti/Pusat juga adalah diminta supaya mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut:

- a. Kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah dimasukkan nama pensyarah yang terkini. Kursus yang diajar oleh tenaga pensyarah luar UKM, **nama pensyarah berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** bagi memudahkan pemantauan;
- b. Jumlah had pelajar hendaklah dinyatakan setepat mungkin untuk memudahkan proses penjadualan kuliah. **Fakulti tidak dibenarkan menawarkan kursus yang kurang daripada sepuluh (10) orang pelajar kecuali Latihan Industri/ Amali;**
- c. Set kursus mengikut taraf kursus Fakulti/Program/tahap pelajar hendaklah dinyatakan bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar dan penjadualan kuliah;
- d. Set kursus untuk **Prasiswazah Antarabangsa Khas (jika ada)** perlu diwujudkan bagi pelajar bukan warganegara mulai kemasukan Semester I Sesi Akademik 2008-2009;
- e. Mengemaskini **kursus setara** bagi memudahkan proses penjadualan kuliah dan penjadualan peperiksaan;
- f. Memaklumkan jumlah jam kuliah bagi kursus yang memerlukan bilik/dewan kuliah dan mengemukakan maklumat tersebut dengan **kadar segera;**

- g. Fakulti juga perlu memaklumkan bilik/dewan kuliah yang tidak boleh digunakan kerana telah dijadual aktiviti lain dan sebagainya dalam tempoh Semester III, 2016-2017.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Syuhada Nur binti Ab Rahman di talian 89118451/8457 atau emelkan kepada syunur@ukm.edu.my / atikah\_husna@ukm.edu.my untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DATO' IR. DR. RIZA ATIQ ABDULLAH BIN O.K. RAHMAT**

- s.k.
- Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Timbalan Pengarah (Akademik)  
Pusat Pengurusan Akademik
  - Timbalan Pengarah (Sistem Pengurusan Kualiti)  
Pusat Jaminan Kualiti
  - Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan